

# Cagamas terbit bon dan sukuk bernilai RM1.55 bilion

**KUALA LUMPUR:** Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd menerbitkan bon dan sukuk bernilai RM1.55 bilion untuk mengumpul dana bagi membiayai pembelian pinjaman gadai janji dan pembiayaan perumahan Islam daripada sistem kewangan.

Transaksi terbaru itu, merangkumi Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) RM800 juta bagi tempoh tiga tahun dan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) RM750 juta juga bagi tiga tahun, sekali gus menjadikan keseluruhan terbitan syarikat itu setakat ini bagi 2018 bernilai RM12.3

bilion, menurut Cagamas dalam kenyataan semalam.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong berkata tahun ini setakat ini telah menyaksikan terbitan bulanan berterusan sehingga Oktober, dengan langkah terbitan terbaru ini menjadi yang ke-19 bagi 2018.

"Kedua-dua CMTN dan IMTN tiga tahun ini menerima bidaan aktif dan berjaya memperoleh harga purata wajaran yang kompetitif pada 4.09 peratus, mewakili tebaran 49 mata asas berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia bertempoh tiga tahun yang sama," katanya.

Chung berkata, agregat

RM1.55 bilion CMTN dan IMTN bertempoh tiga tahun itu diputuskan melalui proses penetapan harga dengan persetujuan penjual dan pembeli, yang mendapat penyertaan daripada pelbagai kumpulan pelabur termasuk dana kekayaan negara dan pengurus aset asing.

Setakat ini bagi 2018, Cagamas telah menerbitkan CMTN bernilai RM4.8 bilion, IMTN bernilai RM3.8 bilion, gabungan kertas konvensional jangka pendek dan kertas komersial Islam bernilai RM3.0 bilion serta bon dalam denominasi mata wang asing dengan nilai bersamaan RM650 juta. — Bernama